



Penterjemahan Mahua sebagai Strategi Budaya: Kajian Kes Gerakan Sastera 31 Mei

Translating Mahua as a Cultural Strategy: A Case Study of the May 31 Literary Movement

GOH SIEW POH

Centre for Malaysian Chinese Studies, No. 1, Jalan Maharajalela, 50150 Kuala Lumpur, Malaysia

E-mail: gohsiewpoh@yahoo.com.sg

Published online: 31 October 2025

To cite this article: Goh Siew Poh. 2025. Penterjemahan Mahua sebagai strategi budaya: Kajian kes Gerakan Sastera 31 Mei. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 32(2): 83–101. <https://doi.org/10.21315/kajh2025.32.2.5>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/kajh2025.32.2.5>

Abstract. This article examines the May 31 Literary Movement initiated in the 1980s by Mahua translators in collaboration with Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). The campaign was initiated to promote national unity through the translation of literary works and cultural performances. On 31st May 1983, DBP convened a meeting of writers from various ethnic backgrounds which resulted in the formation of Coordinating Committee for the Translation of Multiracial Writers and then launched a series of cultural performances and literary translation initiatives. One of the pioneers of this movement, Usman Awang stated that “May 13 represents prejudice and division, while May 31 is a day for promoting interaction through translation, mutual understanding and unity”. Although the movement was small in scale and had limited influence on Mahua literature, it remains a significant milestone in Malaysian literary translation history, marking the first structured collaboration between DBP and the Chinese community on cultural matters. This article situates the movement within a broader historical context, tracing the formation of Chinese bilingual intellectuals since independence and examining how the May 13 Incident shaped their translation practices and identity formation in the evolving post-tragedy political landscape. The finding of this article shows that translation has been employed as a cultural strategy by the Chinese community in their pursuit of the ideal of multiculturalism.

Keywords and phrases: May 31 Literary Movement, Mahua literature, translation, Chinese community in Malaysia, unity through translation

Abstrak. Makalah ini mengkaji Gerakan Sastera 31 Mei yang dilancarkan pada tahun 1980-an oleh penterjemah Mahua bersama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Gerakan ini bertujuan menggalakkan perpaduan antara kaum melalui penterjemahan karya sastera dan persembahan budaya. Pada 31 Mei 1983, DBP telah menganjurkan satu majlis pertemuan penulis pelbagai kaum dan menubuhkan Jawatankuasa Penyelarasan Penterjemahan Penulis-penulis Pelbagai Kaum lalu memulakan beberapa aktiviti persembahan budaya dan terjemahan karya sastera. Salah seorang pelopor gerakan ini, Usman Awang menyatakan bahawa “13 Mei adalah simbol prasangka dan perpecahan, manakala 31 Mei adalah hari yang menggalakkan interaksi melalui penterjemahan, saling memahami dan mencapai perpaduan”. Walaupun impak gerakan berskala kecil ini terhadap sastera Mahua agak terhad, ia tetap penting dalam sejarah penterjemahan sastera Malaysia kerana buat pertama kalinya DBP bekerjasama secara terancang dengan masyarakat Cina dalam isu budaya. Makalah ini cuba meletakkan Gerakan Sastera 31 Mei dalam konteks sejarah yang lebih luas, bermula dari era kemerdekaan, menelusuri bagaimana golongan intelektual dwibahasa dalam masyarakat Cina terbentuk dan bagaimana peristiwa 13 Mei mempengaruhi sejarah penterjemahan dalam kalangan masyarakat Cina, khususnya bagaimana golongan intelektual dwibahasa menyesuaikan identiti mereka dengan perubahan politik selepas tragedi tersebut. Dapatan makalah ini menunjukkan bahawa penterjemahan berfungsi sebagai strategi budaya dalam memperjuangkan ideal multikulturalisme dalam kalangan masyarakat Cina.

Kata kunci dan frasa: Gerakan Sastera 31 Mei, sastera Mahua, penterjemahan, masyarakat Cina di Malaysia, perpaduan melalui penterjemahan

Pendahuluan

Dalam kajian terjemahan kontemporari, tumpuan tidak lagi terbatas kepada aspek teknikal atau soal kebolehterjemahan antara teks asal dengan teks sasaran. Sebaliknya, perhatian turut diberikan kepada peranan penterjemahan dalam konteks sosial dan budaya, termasuk bagaimana ia boleh mempengaruhi landskap sosiopolitik. Makalah ini mengaplikasi pendekatan tersebut untuk meneroka bagaimana masyarakat Cina, selepas peristiwa 13 Mei 1969, terlibat dalam usaha membentuk konsep “sastera Malaysia” dan “sastera kebangsaan” melalui penterjemahan, dengan harapan agar kedua-dua konsep ini sejajar dengan ideal multikulturalisme yang mereka perjuangkan.¹

Istilah “era pasca peristiwa 13 Mei” dalam kajian ini merujuk kepada tempoh selepas tragedi 13 Mei 1969, yang menjadi titik perubahan besar dalam landskap sosiopolitik Malaysia bermula pada tahun 1970-an. Memandangkan peristiwa tersebut diklasifikasikan sebagai rusuhan kaum, isu perpaduan rakyat telah menjadi agenda nasional yang mendesak untuk diberi perhatian secara menyeluruh. Sebagai respons, ideologi perpaduan nasional² diangkat sebagai prinsip tertinggi dalam pelbagai dasar kerajaan selepas tragedi tersebut. Antara dasar yang diperkenalkan pada era tersebut termasuk Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Namun begitu, seperti yang diketahui umum, Malaysia merupakan sebuah negara majmuk yang berbilang kaum dan masih belum mencapai kesepakatan berkenaan identiti nasional. Agenda bumiputeraisme yang diterajui oleh kerajaan dan disokong oleh golongan intelektual Melayu, dengan pantas mendominasi wacana nasional. Dari sudut pandangan kumpulan etnik minoriti, khususnya masyarakat Cina, agenda ini secara langsung atau tidak langsung meminggirkan budaya bukan bumiputera. Sebagai reaksi, masyarakat Cina mula menganjurkan pelbagai kempen, antaranya penyerahan “Memorandum Kebudayaan Kebangsaan” (國家文化備忘錄), penganjuran Pesta Kebudayaan Cina (華人文化節) dan lain-lain sejak tahun 1980-an. Matlamat utama usaha ini adalah untuk mencabar naratif bumiputeraisme dan menegaskan wacana serta amalan budaya yang menghargai kepelbagaian.

Dalam konteks inilah, sekumpulan intelektual kaum Cina yang mahir dalam dwibahasa, iaitu bahasa Cina dan bahasa Melayu, bekerjasama dengan golongan intelektual kaum Melayu di bawah naungan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) untuk mempromosi dialog antara budaya serta mengusahakan kerja-kerja penterjemahan sastera dan persembahan deklamasi puisi. Usaha ini kemudiannya dikenali sebagai Gerakan Sastera 31 Mei (五三一文學運動) (lihat kajian Chong 2006a; Yang 2014; Goh 2018).

Tarikh “31 Mei” diambil sempena satu peristiwa penting yang berlaku pada 31 Mei 1983, iaitu penganjuran majlis pertemuan penulis pelbagai kaum di DBP oleh Usman Awang untuk membincangkan cara memperkukuh interaksi budaya dan perpaduan rakyat. Penubuhan Jawatankuasa Penyelarasan Penterjemahan Penulis-penulis Pelbagai Kaum, yang terdiri daripada empat unit bahasa—Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil—telah dicadangkan dalam majlis tersebut. Jawatankuasa ini bertanggungjawab melaksanakan penterjemahan karya-karya sastera dalam bahasa-bahasa tersebut bagi membina “sastera Malaysia”. Unit Bahasa Cina kemudiannya berperanan sebagai pemangkin kepada penubuhan Persatuan Penterjemahan dan Penulisan Kreatif Malaysia (dikenali sebagai “PERSPEKTIF” atau 譯創會) (Goh 2023).

Gerakan ini diberikan makna simbolik oleh para pesertanya: “Gerakan Sastera 31 Mei adalah satu gerakan perpaduan melalui penterjemahan. Ia membawa maksud yang berlawanan dengan istilah ‘13 Mei’. Kita mahukan persefahaman dan kerjasama, bukan prasangka dan perpecahan” (Bai Can 1989, 130–131). Malah, Usman Awang turut bersetuju dengan tafsiran ini. Beliau menyatakan bahawa “13 Mei melambangkan prasangka dan perpecahan, manakala 31 Mei ialah hari perpaduan yang dicapai melalui interaksi budaya, saling faham memahami” (Usman Awang 1989, 9).

Gerakan Sastera 31 Mei turut memperkenalkan beberapa slogan yang jelas menyatakan matlamatnya seperti “memperkukuh interaksi budaya dan mencapai perpaduan melalui penterjemahan” dan “penterjemahan berkhidmat untuk perpaduan” (Bai Can 1989, 138). Usman Awang turut menegaskan bahawa penterjemahan bukan sekadar proses pertukaran idea dan pengalaman, tetapi juga harus dilihat sebagai usaha yang menyumbang ke arah pemupukan perpaduan nasional (Sinchew 1986).

Walaupun demikian, perpaduan nasional bukan satu-satunya hasrat yang diketengahkan oleh para intelektual dwibahasa. Mereka juga berharap sastera Mahua diiktiraf sebagai sebahagian daripada sastera kebangsaan. Penterjemahan sastera Mahua ke dalam bahasa Melayu dilihat mereka sebagai satu strategi untuk membantu khalayak Melayu memahami ciri-ciri tempatan dan semangat patriotik yang terkandung dalam sastera Mahua, seterusnya menyumbang kepada penyelesaian isu berkaitan sastera kebangsaan. Hujah Lan Yu (1984), “Saat kita sedang berusaha untuk memastikan sastera Mahua diiktiraf sebagai sebahagian daripada sastera kebangsaan, ada baiknya jika masyarakat Melayu dapat memahami secara mendalam tentang kandungan dan makna yang tercermin serta diungkapkan oleh sastera Mahua”, mencerminkan pandangan arus perdana dalam kalangan masyarakat Cina.

Perlu ditegaskan bahawa walaupun Gerakan Sastera 31 Mei telah menyumbang secara signifikan terhadap interaksi budaya di Malaysia, gerakan ini tetap menghadapi beberapa kelemahan yang telah dikenal pasti oleh para sarjana dan pengkritik sastera.

Kelemahan pertama adalah berkenaan ideologi perpaduan yang diangkat sebagai prinsip utama manakala aspek estetika pula sering diketepikan. Pengkritik sastera Othman Puteh, yang pernah menulis prakata bagi beberapa antologi cerpen Mahua terjemahan Melayu yang diusahakan oleh PERSPEKTIF, telah mengutarakan ketidakpuasannya terhadap bentuk dan gaya karya Mahua dalam antologi tersebut, yang menurutnya terlalu ketinggalan zaman dan kurang inovatif (Othman Puteh 1994).

Kritikan Othman Puteh bukan sekadar menunjukkan terdapat kekurangan dalam pemahaman para penterjemah terhadap perkembangan semasa sastera Mahua—memandangkan kebanyakan karya yang diterjemahkan dalam antologi tersebut berasal daripada beberapa dekad yang lalu—atau keterbatasan kemahiran penterjemahan mereka, tetapi juga mencerminkan bagaimana penekanan terhadap agenda perpaduan telah mengehadkan ekspresi estetika. Karya-karya beraliran modernisme yang bersifat avant-garde dianggap kurang sesuai untuk diterjemahkan kerana teknik penulisan yang kabur serta tema-tema yang

cenderung bersifat provokatif. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan bahawa keadaan ini berisiko menggugat ideologi perpaduan nasional yang menjadi tunjang gerakan tersebut (Goh 2013).

Kelemahan kedua pula adalah berkenaan agenda untuk memperluas penggunaan bahasa kebangsaan yang terus mempengaruhi pendirian sebahagian intelektual Melayu terhadap peranan penterjemahan dalam usaha memupuk perpaduan nasional. Sebahagian daripada mereka berpegang kepada pandangan bahawa penterjemahan hanyalah satu strategi sementara. Bagi mereka, matlamat utama adalah untuk menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan secara menyeluruh agar seluruh rakyat menguasai bahasa kebangsaan dan semua penulis daripada pelbagai kaum dapat menghasilkan karya secara langsung dalam bahasa tersebut, tanpa lagi memerlukan penterjemahan (Goh 2018).

Kelemahan ketiga pula timbul apabila menjelang tahun 1990-an, dengan normalisasi hubungan antara Malaysia dan China, intelektual dwibahasa kaum Cina mula memainkan peranan baharu. Selain terlibat dalam kegiatan pembinaan sastera Malaysia, mereka juga menjadi penggerak penting dalam interaksi budaya dan sastera antara kedua-dua negara. Dengan perkembangan terbaharu ini, kecenderungan penterjemah Mahua terhadap teks-teks dari China semakin mendominasi dan mengatasi karya Mahua tempatan. Fenomena ini menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan pengkritik yang mempersoalkan tahap kesedaran penterjemah terhadap jati diri budaya Mahua.³ Mereka berpendapat bahawa para penterjemah gagal mengetengahkan ciri-ciri asli budaya tempatan untuk diintegrasikan ke dalam wacana kebangsaan. Sebaliknya, mereka terus menyuburkan sentimen nostalgia terhadap budaya China (Zhu 1993; Chong 2001).

Gerakan Sastera 31 Mei memperlihatkan bagaimana para intelektual dwibahasa memanfaatkan penterjemahan sebagai strategi budaya untuk menggerakkan cita-cita kebangsaan dan ideal multikulturalisme yang mereka perjuangkan. Namun begitu, pelbagai faktor telah menyebabkan usaha ini terperangkap dalam beberapa kekangan dan dilema. Makalah ini bertujuan melangkaui dapatan kajian terdahulu dengan meneliti secara lebih mendalam wacana yang dihasilkan oleh intelektual dwibahasa, dengan memberi tumpuan kepada perubahan naratif mereka mengikut peredaran masa, terutamanya dalam konteks era pasca peristiwa 13 Mei.

Komuniti intelektual dwibahasa merupakan pelaku utama Gerakan Sastera 31 Mei, yang selama bertahun-tahun telah bergiat aktif dalam usaha memperkukuh interaksi budaya antara masyarakat Cina dengan Melayu. Meskipun bilangan mereka tidak ramai, kewujudan komuniti ini telah berterusan

merentasi generasi. Sehubungan itu, adalah penting untuk menelusuri dan memahami bagaimana komuniti ini terbentuk, tentang fahaman nasionalisme mereka, serta pandangan dan peranan mereka dalam menggerakkan kegiatan penterjemahan.

Golongan Intelektual Baharu

Menjelang era 1950-an, tuntutan kemerdekaan semakin kuat disuarakan di seluruh Tanah Melayu. Walaupun tidak ada kesepakatan sepenuhnya tentang bentuk budaya baharu yang ingin dibina dan setiap kaum mempunyai tafsiran dan agenda tersendiri, namun dalam soal menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi secara umumnya, hal ini mendapat sokongan meluas daripada pelbagai lapisan masyarakat.⁴

Hubungan antara masyarakat Cina dengan bahasa Melayu pada zaman moden dapat dikesan sejak akhir abad ke-19, iaitu ketika bermulanya era migrasi besar-besaran dari China ke Tanah Melayu dan Singapura. Dalam konteks masyarakat majmuk, penguasaan bahasa Inggeris dan Melayu bukan sahaja penting untuk komunikasi harian, malah turut menyumbang kepada mobiliti sosial. Walaupun bahasa Inggeris lebih dominan, bahasa Melayu tetap signifikan, terutamanya di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu serta pada fasa awal penjajahan British.

Sebagai contoh, dalam sebuah daftar kata dwibahasa Melayu-Cina terbitan 1890 berjudul 馬拉語粵音釋義 (*Daftar Kata Bahasa Melayu dengan Penjelasan dalam Dialek Kantonis*), tercatat bahawa:

Bahasa dan sistem tulisan berbeza mengikut negara... Namun begitu, di kepulauan Nanyang, terdapat puluhan pelabuhan perdagangan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai lingua franca. Pedagang dari seluruh dunia menetap dan berniaga di rantau ini. Meskipun mereka bertutur dalam pelbagai bahasa, mereka tetap mempelajari bahasa Melayu untuk tujuan komunikasi. Malah, pegawai dan pedagang British yang datang ke Nanyang turut diwajibkan mempelajarinya. Ini menunjukkan betapa meluas penggunaannya [terjemahan oleh penulis]. (Feng 1890)

Petikan ini membuktikan bahawa masyarakat Cina pada ketika itu memberikan perhatian kepada kepentingan bahasa Melayu. Malah, terdapat cendekiawan dan sasterawan Cina yang memasukkan kosa kata bahasa Melayu—yang telah diolah menggunakan aksara Cina—ke dalam puisi mereka (Ko 2004). Walau bagaimanapun, berdasarkan tahap penguasaan bahasa dalam kalangan penulis Cina migran pada ketika itu, berkemungkinan besar mereka masih belum

mampu memainkan peranan yang berkesan sebagai penghubung budaya antara masyarakat Cina dengan Melayu pada tahap yang lebih signifikan.

Sebaliknya, abad ke-19 boleh dianggap sebagai zaman kegemilangan budaya peranakan Baba. Walaupun bahasa Melayu Baba merupakan sejenis bahasa kreol yang terbatas dari segi struktur tatabahasa, ia tetap berperanan penting dalam sejarah budaya tempatan. Tradisi penulisan dalam bahasa ini bermula sejak awal abad ke-19 apabila mubaligh Barat menubuhkan Anglo-Chinese College di Melaka, yang memperkenalkan sistem tulisan Rumi kepada masyarakat peranakan Baba. Menjelang akhir abad ke-19, dengan kemunculan kapitalisme percetakan dalam kalangan masyarakat Baba, pelbagai jenis surat khabar mula diterbitkan, antaranya *Surat Khabar Peranakan* dan *Bintang Timor*. Tidak seperti akhbar-akhbar yang dikelolakan masyarakat India Muslim tempatan dan orang Melayu yang menggunakan tulisan Jawi, akhbar peranakan Baba menggunakan tulisan Rumi.

Selain bergiat dalam bidang persuratkhabaran, masyarakat peranakan Baba juga aktif dalam bidang penulisan kreatif, termasuklah pantun peranakan Baba, penterjemahan karya klasik China dalam bahasa Melayu Baba dan sebagainya (Ding 2008; Huang 2004; Yang 2014). Namun begitu, perubahan masyarakat yang drastik selepas Perang Dunia Kedua—khususnya dasar pendidikan yang memartabatkan bahasa Melayu baku sebagai bahasa kebangsaan—telah menyebabkan penggunaan dan kedudukan bahasa Melayu Baba merosot secara beransur-ansur (Huang 2004, 28–32).

Selepas Perang Dunia Kedua, Malaya memasuki era baharu yang menyaksikan kemunculan semangat nasionalisme semakin menguat. Dalam konteks ini, bahasa Melayu mula mendapat perhatian yang lebih besar daripada kalangan intelektual Cina, terutamanya mereka yang menerima pendidikan sekolah vernakular Cina. Seiring dengan kebangkitan kesedaran kebangsaan, bahasa Melayu, bahasa Cina dan bahasa Tamil—yang merupakan bahasa utama yang digunakan oleh penduduk tempatan—dilihat sebagai bahasa yang terpinggir berbanding kedudukan hegemoni bahasa Inggeris.⁵ Dalam kalangan bahasa ini, bahasa Melayu muncul sebagai calon utama untuk diangkat sebagai bahasa perantaraan yang penting. Bahasa Melayu bukan sahaja membawa makna simbolik sebagai lambang penentangan terhadap kuasa kolonial, namun turut diiktiraf sebagai medium untuk memperkukuh perpaduan kaum.

Semangat untuk mempelajari dan mempromosikan penggunaan bahasa Melayu semakin meningkat dan bilangan intelektual dwibahasa yang fasih dalam bahasa Melayu dan bahasa Cina turut bertambah. Golongan ini memainkan peranan yang semakin penting sebagai perantara budaya antara masyarakat Cina dengan

Melayu. Dalam kalangan mereka, terdapat juga individu yang menguasai tiga jenis bahasa, seperti Chen Mong Hock dan Liew Yock Fang, yang mewakili generasi baharu intelektual pasca perang. Berbeza dengan elit kolonial yang lazimnya kuat dipengaruhi oleh budaya British dan menggunakan bahasa Inggeris sebagai medium utama, kebanyakan intelektual baharu ini berasal daripada kelas bawahan.

Golongan elit kolonial cenderung mengekalkan kedudukan yang dominan dalam masyarakat kolonial. Sebaliknya, intelektual baharu sering muncul sebagai aktor penting dalam gerakan anti-kolonial. Mereka mula memperlihatkan suatu bentuk kesedaran identiti kebangsaan Malaya yang lebih jelas, berlandaskan semangat kebangsaan tempatan serta aspirasi untuk membina masa depan bersama yang merentasi batasan kaum dan bahasa.

Pada era 1950-an dan 1960-an, sebahagian besar intelektual baharu ini menerima pendidikan formal di sekolah aliran Cina. Mereka menguasai bahasa Melayu melalui pembelajaran sendiri atau kolektif bersama rakan, memandangkan ketika itu subjek bahasa Melayu belum diperkenalkan secara rasmi dalam kurikulum sekolah aliran Cina. Sebahagian besar daripada mereka ialah lepasan Universiti Nanyang (Nantah), antaranya termasuk Liauw Kian-Djoe, Liew Yock Fang, Lim Huan Boon, Yang Quee Yee, Tan Ta Sen, Tang Yong, Goh Choo Keng dan Goh Thean Chye. Selain lulusan Nantah, terdapat juga tokoh penting lain seperti Lu Po-yeh, Chen Mong Hock, Chan Maw Woh dan Tang Soong Hua.

Daripada sejarah perkembangan yang telah diulas sebelum ini, timbul persoalan tentang bagaimana golongan intelektual baharu ini menilai peranan bahasa, pendirian mereka terhadap fungsi penterjemahan, serta bentuk budaya Malaya baharu yang mereka bayangkan dan perjuangkan. Dalam konteks ini, golongan intelektual baharu memberikan sokongan sepenuhnya terhadap bahasa kebangsaan. Ma Qi (馬豈, salah satu nama pena Yang Quee Yee) menyatakan pendirian beliau secara tuntasnya seperti berikut:

Pada masa yang sama, kami juga ingin menyatakan kepada seluruh dunia bahawa rakyat berbilang kaum di negara ini, selain mencintai bahasa ibunda masing-masing, turut menzahirkan kecintaan serta sokongan terhadap pembangunan bahasa kebangsaan. Kami mencintainya kerana ia merupakan alat komunikasi antara kaum. Bahasa kebangsaan berupaya menyatukan pemikiran, budaya, seni dan adat resam setiap kaum, lalu merapatkan berjuta-juta rakyat yang berbeza pemikiran dan adat resam ke dalam sebuah keluarga besar yang aman, damai dan penuh kasih sayang. Justeru, bahasa jiwa bangsa [terjemahan oleh penulis]. (Ma Qi 1960, 13)

Dengan kata lain, bagi Yang, identiti orang Cina Malaya terbina atas asas dwibahasa: bahasa Cina sebagai bahasa ibunda dan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Kedua-duanya tidak dianggap sebagai bahasa asing atau sekadar alat komunikasi, namun sebagai bahasa yang mencerminkan identiti. Tambahan pula, pengiktirafan terhadap kedua-dua bahasa ini tidak seharusnya terbatas pada penggunaan dalam kehidupan seharian semata-mata, sebaliknya perlu diangkat pada tahap yang lebih tinggi, iaitu sebagai wahana ilmu dan budaya. Koo Yee (谷衣, nama pena Liauw Kian-Djoe), rakan seperjuangan Yang dalam usaha memperkukuh kedudukan bahasa kebangsaan, turut menegaskan perkara ini dengan jelas:

Sa-andai kata bahasa Mělayu di-biarkan sahaja, ia-itu tidak tērpělihara, maka sudah pasti bahasa itu akan mēnjadi bahasa pērgaulan sa-mata² dan bukan bahasa kēbangsaan yang dapat mēndukong chita² ra'ayat jēlata. Pada hakekat-nya bahasa kēbangsaan tidak sahaja mēsti di-gunakan ra'ayat untok bērgaul dan mēmbinchangkan urusan tetek bēngkek, tētpati juga harus bērkēbolehan mēnjadi bahasa ilmiah. Dēngan kata lain, ia-lah bahasa kēbudayaan. Hanya bila bahasa Mělayu itu mēnjadi bahasa Kēbudayaan maka bahasa itu baharu boleh bērkēmbang biak, bahasa itu baharu boleh mēmainkan pēranan sa-bagai bahasa kēbangsaan dalam erti sa-bēnar-nya [ejaan teks asal dikekalkan]. (Koo Yee 1962, 8)

Bagi mereka, sebagai orang Cina Malaya, seseorang itu bukan sahaja wajar menguasai kedua-dua bahasa—Cina dan Melayu—malah, jika berkemampuan, digalakkan untuk berkarya dalam kedua-dua bahasa. Yang (2014, 108) menegaskan bahawa “Seseorang yang terlibat dalam kerja penterjemahan sekurang-kurangnya perlu menguasai dua bahasa. Selain mampu menterjemahkan karya orang lain, secara umum, dia juga memiliki keupayaan berkarya” [terjemahan oleh penulis].

Berasaskan kesedaran tersebut, para intelektual dwibahasa pada zaman itu aktif menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan dalam kalangan masyarakat Cina, di samping mengusahakan penterjemahan sebagai medium untuk mempertingkatkan interaksi budaya antara masyarakat Cina dengan Melayu. Sungguhpun demikian, kebanyakan karya terjemahan yang dihasilkan ketika itu lebih banyak tertumpu kepada penterjemahan karya sastera Melayu ke dalam bahasa Cina. Terjemahan karya sastera China ke dalam bahasa Melayu sebaliknya jarang dilakukan manakala penterjemahan sastera Mahua ke dalam bahasa Melayu pula amat terhad dari segi kuantiti.⁶

Apakah faktor yang menyebabkan penterjemahan karya sastera Mahua ke dalam bahasa Melayu tidak begitu giat dilaksanakan? Adakah hal ini, seperti yang dikemukakan oleh sesetengah pengulas pada waktu itu, berpunca daripada kekurangan penterjemah Cina yang benar-benar menguasai bahasa Melayu? Atau seperti yang ditegaskan oleh pihak lain, media berbahasa Melayu—termasuk akhbar dan majalah—kurang memberikan perhatian terhadap karya terjemahan tersebut dan keadaan ini secara tidak langsung melemahkan semangat para penterjemah?⁷

Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan keresahan subjektiviti Mahua

Menurut kajian Yang Quee Yee, jumlah penerbitan buku terjemahan karya sastera Melayu dalam bahasa Cina sekitar tahun 1960-an jauh melebihi jumlah terjemahan karya sastera Mahua dan China dalam bahasa Melayu. Namun demikian, menjelang tahun 1970-an, permintaan terhadap terjemahan bahasa Melayu ke dalam bahasa Cina semakin berkurangan setelah tahap penguasaan bahasa kebangsaan dalam kalangan masyarakat Cina semakin meningkat. Jumlah terjemahan daripada bahasa Cina ke dalam bahasa Melayu—khususnya karya sastera Mahua—sebaliknya pula menunjukkan peningkatan, sekali gus menandakan kemunculan satu perkembangan baharu (Yang 2014, 40–47). Penjelasan berdasarkan faktor kecekapan berbahasa dan keperluan pasaran ini sememangnya mempunyai asas yang kukuh. Namun demikian, hal ini masih belum mencukupi untuk menjelaskan keseluruhan fenomena ini, kerana terdapat juga dimensi ideologi, politik dan budaya yang lebih mendalam yang turut mempengaruhi kegiatan penterjemahan.

Sejak tahun 1970-an, penterjemahan karya sastera Mahua ke dalam bahasa Melayu semakin mendapat perhatian dalam kalangan penterjemah Mahua. Salah satu pencapaian utama dalam tempoh ini ialah penciptaan istilah “kesusasteraan Mahua”. Istilah ini dipercayai mula diperkenalkan oleh Goh Thean Chye pada pertengahan dekad 1970-an. Menurut beliau, “Ma” merujuk kepada singkatan “Malaya” manakala “Hua” ialah singkatan kepada “Tionghua” (Cina). Maka, “Mahua” membawa maksud “orang-orang Tionghua di Malaya” (Goh 1975, 7–8). Sebelum wujudnya istilah ini, “Mahua” tidak pernah digunakan secara rasmi atau meluas. Selepas diperkenalkan oleh Goh, istilah ini mula diterima pakai secara meluas dan kemudiannya menjadi terminologi dalam bidang kesusasteraan tempatan.⁸

Sejak itu, penterjemahan karya sastera Mahua ke dalam bahasa Melayu semakin mendapat perhatian seiring dengan peredaran masa. Perkembangan ini bukan sahaja dipengaruhi oleh peningkatan kecekapan bahasa dalam kalangan golongan intelektual dwibahasa, malah yang lebih penting, wujud tekanan dan dorongan luaran yang menggalakkan masyarakat Cina memberi perhatian lebih serius terhadap tanggungjawab menterjemahkan karya sastera Mahua ke dalam bahasa kebangsaan.

Selepas Kongres Kebudayaan Kebangsaan pada tahun 1971, kesusasteraan kebangsaan secara rasmi ditakrifkan sebagai kesusasteraan yang ditulis dalam bahasa kebangsaan, manakala karya sastera dalam bahasa lain tidak diiktiraf dalam kerangka tersebut. Menjelang tahun 1980-an, sempena ulang tahun ke-10 pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Kementerian Belia, Kebudayaan dan Sukan mula mengumpul maklum balas daripada pelbagai lapisan masyarakat, termasuk komuniti Cina. Pertubuhan-pertubuhan Cina mula tampil dan mengemukakan tuntutan bersama, seperti penyerahan “Memorandum Kebudayaan Kebangsaan”, yang antara lain menggesa supaya sastera Mahua diiktiraf dan dimartabatkan sebagai sebahagian daripada sastera kebangsaan. Selain mengemukakan memorandum, pertubuhan-pertubuhan Cina turut mengambil inisiatif menganjurkan pesta kebudayaan Cina secara tahunan bergilir-gilir di setiap negeri bermula pada tahun 1983. Melalui strategi ini, masyarakat Cina bukan sahaja cuba memperkukuh kesedaran identiti dalam kalangan anggotanya, malah turut menyuarakan aspirasi kolektif terhadap pembinaan sebuah negara yang mengiktiraf kepelbagaian budaya.

Dalam suasana inilah, dengan rasa kebimbangan dan rasa tanggungjawab, intelektual dwibahasa Mahua mula berbincang dan mencari jalan untuk memperkukuh jaringan dalam kalangan penterjemah Mahua. Terdapat seruan supaya kerjasama diperkukuh dan usaha diselaraskan agar kerja-kerja penterjemahan dapat dijalankan secara lebih sistematik dan kolektif, dengan matlamat memelihara warisan budaya etnik dan membina sebuah kesusasteraan kebangsaan bersifat multibahasa dan budaya.

Pada tahun 1983, Ye Jian mengemukakan tiga saranan penting kepada komuniti penterjemah Mahua: pertama, beliau menegaskan bahawa hubungan dan kerjasama antara para penterjemah perlu diperkukuh; kedua, beliau menggesa supaya peluang penerbitan diperluas dan penyebaran hasil terjemahan diperhebatkan; dan ketiga, beliau mencadangkan agar keutamaan dan garis panduan dalam kerja penterjemahan perlu digariskan dengan lebih jelas (Ye Jian 1986). Hujah Ye Jian menunjukkan dengan jelas bahawa penterjemahan tidak harus dilihat sebagai aktiviti bersifat individu semata-mata, sebaliknya ia perlu dilihat sebagai usaha kolektif. Justeru, pendekatan yang lebih sistematik

dan berorganisasi amat diperlukan bagi memastikan keberkesanan dan impak dalam membina kesusasteraan Malaysia serta memperkukuh kedudukan sastra Mahua dalam kerangka sastra kebangsaan. Dalam kata lain, “penterjemahan” dilihatnya sebagai satu strategi budaya yang dipertanggungjawabkan untuk merealisasikan ideal multikulturalisme.

[K]ita seharusnya memberi penekanan kepada usaha menterjemah dan memperkenalkan karya-karya sastra Mahua yang dapat mencerminkan realiti negara kita serta berupaya menyumbang kepada usaha memupuk perpaduan kaum, supaya dapat menghapuskan kejahilan dan prejudis sesetengah pihak terhadap sastra Mahua... Demi meningkatkan persefahaman antara kaum dan memperluas pemahaman masyarakat kaum lain terhadap sastra Mahua, kita harus menggalakkan penterjemahan karya-karya sastra Mahua [terjemahan oleh penulis]. (Ye Jian 1986, 14–15)

Chin Yook Chin, penterjemah Mahua yang aktif pada dekad 1980-an, menekankan bahawa:

Pada pandangan saya, karya-karya terjemahan harus seimbang dari segi isi dan teknik. Aspek sastra dan isu sosial perlu diberi penekanan yang sama. Hasil terjemahan pula mestilah bermutu agar dapat meninggalkan kesan yang baik dalam khalayak Melayu. Pada masa yang sama, perlu juga ditulis lebih banyak artikel bersifat pengenalan untuk memberikan masyarakat Melayu pemahaman asas—siapakah penulis Mahua? Apakah yang mereka tulis? Apakah perbezaannya dengan penulis dari China?... Kesedaran seperti ini akan membantu meruntuhkan tembok yang terbina akibat ketidaktahuan, di samping membantu menyelesaikan perdebatan tentang kedudukan sastra Mahua dalam konteks kesusasteraan kebangsaan [terjemahan oleh penulis]. (Chin 1984)

Dari sudut ini, motivasi utama di sebalik penterjemahan karya sastra Mahua ke dalam bahasa Melayu berpunca daripada ketiadaan pengiktirafan rasmi terhadap sastra Mahua dalam kerangka kesusasteraan kebangsaan. Keresahan terhadap kedudukan sastra Mahua telah mendorong golongan intelektual dwibahasa untuk memikul tanggungjawab kolektif dalam menterjemah karya sastra Mahua. Strategi yang diambil adalah dengan memanfaatkan penterjemahan sebagai jambatan persefahaman antara masyarakat Cina dengan Melayu, di samping menegaskan pembezaan identiti antara sastra Mahua dengan sastra dari tanah besar China.⁹ Dengan kata lain, peningkatan perhatian terhadap penterjemahan karya sastra Mahua ke dalam bahasa Melayu pada era 1980-an tidak hanya didorong oleh faktor kecekapan bahasa atau permintaan pasaran,

mahupun semata-mata atas dasar untuk mencapai perpaduan nasional, namun sebaliknya, usaha tersebut berkaitan dengan kegelisahan identiti yang timbul akibat ketiadaan sastera Mahua dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Dalam konteks ini, inisiatif penterjemahan turut menumpang momentum gerakan kebudayaan masyarakat Cina yang digerakkan oleh pertubuhan-pertubuhan Cina pada dekad yang sama. Hal ini dapat dilihat sebagai suatu ikhtiar strategik untuk mengatasi kebuntuan budaya dan politik masyarakat Cina pasca peristiwa 13 Mei 1969.

Strategi penterjemahan Mahua¹⁰

Selepas melalui era yang dinamik pada tahun 1980-an, Gerakan Sastera 31 Mei mula menunjukkan kemerosotan menjelang dekad 1990-an. Pada tempoh yang sama, PERSPEKTIF mula memberikan fokus kerjanya kepada kegiatan diplomasi budaya melalui penekanan yang lebih besar terhadap penterjemahan karya sastera China berbanding sastera Mahua seiring dengan normalisasi hubungan diplomatik antara Malaysia dengan China. Perkembangan ini menandakan bahawa kesedaran krisis kaum tersebut yang begitu kuat pada era 1980-an mula berkurangan. Perubahan ini turut mengundang kritikan, khususnya daripada kalangan pengkritik budaya. Zhu Zi Cun, budayawan terkenal, menyatakan:

Pendirian tegas masyarakat Cina di negara ini ialah: mengiktiraf budaya Mahua sebagai sebahagian daripada budaya kebangsaan. Ini merupakan pendekatan integrasi yang sudah kita pilih. Persoalannya—apakah unsur budaya yang telah kita sumbangkan untuk tujuan integrasi tersebut? Ia seharusnya bersifat lokal, mencerminkan ciri-ciri orang Cina tempatan, bukannya budaya orang Cina dari tempat lain dan pastinya bukan budaya Cina dari tanah besar China yang diterima secara mentah-mentah, walaupun budaya Mahua itu berasal dari China [terjemahan oleh penulis]. (Zhu 1993)

Suara kritikan terhadap perubahan arah ini bukan sahaja datang daripada pihak luar, malah juga timbul dalam kalangan ahli sendiri. Chong Fah Hing, seorang pensyarah di universiti tempatan yang merupakan pakar dalam bidang kajian kesusasteraan Mahua dan kesusasteraan Melayu, serta pernah menjadi ahli aktif PERSPEKTIF, turut menyuarakan pandangan kritis terhadap fenomena ini. Menurut Chong (2006b), konsep “interaksi budaya”—yang juga merupakan salah satu slogan Gerakan Sastera 31 Mei—semakin kehilangan signifikannya. Malah, beliau menganggap perkara tersebut sekadar retorik yang tidak lagi mampu menghasilkan maklum balas kepada cabaran sebenar yang dihadapi oleh sastera Mahua dan kebudayaan Cina tempatan, seperti dalam pernyataan berikut:

Jika kita menyetepikan unsur budaya China Raya, berapakah sebenarnya modal budaya tempatan yang kita miliki untuk ditawarkan dalam kegiatan silang budaya? Jika kita terus gagal membentuk kesedaran asas tentang subjektiviti budaya sendiri, maka “interaksi budaya” yang sering kita laung-laungkan berisiko berubah menjadi proses asimilasi ke dalam arus perdana [nota penulis: budaya China], atau lebih buruk lagi—menjadi satu bentuk kekosongan yang tidak bermakna [terjemahan oleh penulis]. (Chong 2006b, 345)

Chong mengemukakan bukti yang kukuh bagi menyokong hujahnya. Seawal tahun 2001, beliau telah menjalankan kajian dokumentasi terhadap buku terjemahan bidang sastera, sejarah dan falsafah—yang diterjemahkan daripada bahasa Cina ke dalam bahasa Melayu oleh penterjemah Mahua—bagi tempoh daripada tahun 1961 sehingga 2001. Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa sebanyak 55.8% daripada karya yang diterjemahkan berasal dari China, manakala hanya 45.2% merupakan karya tempatan. Berdasarkan dapatan ini, Chong mempersoalkan sejauh mana para penterjemah benar-benar memahami konsep “budaya Mahua”. Beliau berhujah bahawa ketidakseimbangan ini mencerminkan kelemahan dari segi kesedaran identiti budaya dalam kalangan penggiat penterjemahan itu sendiri (Chong 2001).

Chong kemudiannya membangunkan kerangka teori sendiri dengan merasionalisasikan strategi penterjemahan yang sesuai dengan kedudukan sastera Mahua dalam konteks Malaysia:

Sekiranya penulisan kreatif merupakan medan penghasilan makna bagi sastera Mahua, maka penterjemahan sastera Mahua pula boleh dianggap sebagai ruang transaksi makna dan modal budaya. Melalui penterjemahan *Ma* (bahasa Melayu) → *Hua* (bahasa Cina) (iaitu bentuk pertukaran dengan orang asing, 番易), sastera/budaya Mahua secara langsung menyerap unsur-unsur daripada sastera Melayu dan sastera etnik lain, dengan ini dapatlah mengukuhkan kekuatan budaya dan menyumbang kepada pembinaan jati diri. Sebaliknya, penterjemahan *Hua* (bahasa Cina) → *Ma* (bahasa Melayu) tujuan utamanya bukanlah untuk menjalankan pertukaran unsur-unsur budaya, tetapi lebih kepada pembinaan mekanisme pertahanan [terjemahan oleh penulis]. (Chong 2006b, 18–19)

Chong menjelaskan bahawa terjemahan daripada bahasa Melayu kepada bahasa Cina (*Ma* → *Hua*) masih bernilai strategik, meskipun bahasa Melayu telah menjadi bahasa yang dikongsi oleh seluruh rakyat Malaysia, termasuk orang Cina. Beliau menegaskan bahawa bentuk penterjemahan ini membolehkan sastera Mahua menyerap unsur-unsur budaya daripada sastera Melayu dan

sastera etnik lain, sebagai satu langkah untuk memperkukuh pembangunan budaya Mahua. Pada masa yang sama, penterjemahan daripada bahasa Cina ke bahasa Melayu (*Hua* → *Ma*) pula dilihatnya sebagai langkah penting untuk melindungi batas jati diri sastera Mahua daripada diserap atau diganggu oleh budaya dominan. Penterjemah, dalam konteks ini, berperanan mempertahankan imej dan pemahaman tentang sastera Mahua dalam wacana bahasa Melayu, khususnya apabila disalah tafsir atau dimanipulasi oleh pihak tertentu.

Tambahan pula, bagi Chong, penterjemahan juga berfungsi menggariskan sempadan jelas antara sastera Mahua dengan sastera China, sekali gus memperjelas perbezaan konsep antara kedua-dua tradisi. Dengan cara ini, jati diri sastera Mahua dapat dibentuk tanpa terikat kepada naratif “sastera China Raya”, yang menempatkan sastera China sebagai pusat dan menganggap karya berbahasa Cina di seluruh dunia sebagai cabangnya. Dengan kata lain, sastera Mahua bukanlah sastera China dan juga bukan cabangnya; ia dimiliki rakyat Malaysia dan sewajarnya dianggap sebagai sebahagian daripada sastera Malaysia dan sastera kebangsaan. Bagi Chong, strategi penterjemahan dwihala ini dapat memperkukuh budaya Cina tempatan dan pada masa yang sama menyumbang secara aktif kepada pembinaan konsep sastera Malaysia dan sastera kebangsaan yang berteraskan ideal multikulturalisme.

Kesimpulan

Kajian ini menelusuri dinamika tradisi penterjemahan Mahua sebagai sebahagian daripada usaha pembinaan identiti budaya, khususnya dalam konteks sosiopolitik pasca peristiwa 13 Mei. Penterjemahan dalam konteks ini bukan sekadar proses linguistik, tetapi turut berfungsi sebagai strategi budaya dalam memelihara dan membina jati diri komuniti Cina di Malaysia. Gerakan Sastera 31 Mei memperlihatkan wujudnya usaha kolektif dalam kalangan intelektual dwibahasa untuk membentuk wacana sastera kebangsaan yang bersifat lebih inklusif, selaras dengan ideal multikulturalisme masyarakat Cina, walaupun berdepan dengan pelbagai rintangan dalaman dan luaran.

Kajian ini mengenal pasti tiga visi utama yang mendasari tradisi penterjemahan Mahua seperti dipaparkan oleh Gerakan Sastera 31 Mei, iaitu: (1) pemeraksanaan budaya Cina melalui penterjemahan dari bahasa asing ke dalam bahasa Cina, (2) pembinaan ideal multikulturalisme dalam kerangka kebudayaan kebangsaan dan (3) pengukuhan hubungan antara Malaysia dan China menerusi pendekatan penterjemahan. Walaupun demikian, wujud ketegangan antara visi kedua dan ketiga, khususnya apabila kecenderungan terhadap hubungan transnasional (visi ketiga) berpotensi mengaburi matlamat pembinaan jati diri tempatan

(visi kedua). Ketegangan ini mencerminkan kerumitan proses pembinaan jati diri Mahua yang sentiasa berhadapan dengan konflik antara tuntutan nasional, transnasional dan intra-komunal.

Sehubungan itu, tradisi penterjemahan Mahua tidak wajar dilihat secara sempit sebagai wahana pertukaran budaya semata-mata, sebaliknya harus difahami sebagai strategi budaya yang kompleks dan dinamik dalam usaha merealisasikan ideologi seperti multikulturalisme, pembinaan jati diri Mahua dan perpaduan nasional. Strategi budaya yang disebut di sini sejajar dengan perkembangan teori penterjemahan kontemporari di Barat.

Sejak akhir tahun 1970-an, teori terjemahan budaya berkembang dengan menekankan bahawa penterjemahan bukan sekadar isu kebolehterjemahan atau ketepatan, tetapi juga proses sosial yang berpotensi membawa perubahan kepada makna teks dan realiti masyarakat (Bassnett 2014). Fenomena ini dihuaikan oleh Lefevere (2017) melalui konsep “penulisan semula” (*rewriting*), yang merangkumi bukan sahaja penterjemahan, tetapi juga penulisan sejarah, penyusunan antologi dan kritikan sastera, kerana kesemua kegiatan tersebut berpotensi mengubah makna asal sesebuah teks. Selain itu, Lefevere (2017) turut berpendapat bahawa sistem kesusasteraan dipengaruhi oleh unsur dalaman dan luaran, iaitu kumpulan profesional dan penaja. Kumpulan profesional menentukan puitika dominan dalam sistem kesusasteraan, manakala penaja pula menentukan ideologi.

Dalam kes ini, penggerak Gerakan Sastera 31 Mei, iaitu para intelektual dwibahasa, memainkan kedua-dua peranan secara serentak sekali gus membentuk puitika dan ideologi penterjemahan Mahua. Fenomena ini boleh dikonsepsikan sebagai “strategi budaya”, iaitu penerapan pendekatan penterjemahan sebagai satu strategi untuk merealisasikan ideologi seperti multikulturalisme, perpaduan nasional dan pembinaan jati diri Mahua. Dalam suasana kesedaran krisis yang kuat pada era 1980-an, wacana penterjemahan Mahua yang terhasil dalam konteks Gerakan Sastera 31 Mei cenderung mengutamakan aspek ideologi berbanding aspek puitika. Oleh itu, tidaklah menghairankan bahawa aspek puitika kurang diberikan perhatian dalam wacana tersebut.

Nota

1. Secara ringkasnya, multikulturalisme merujuk kepada kepelbagaian budaya. Konsep ini selalunya dikaitkan dengan konsep politik pengiktirafan atau rekognitif (*politics of recognition*), iaitu satu gagasan mengenai pengiktirafan komuniti dominan terhadap budaya komuniti minoriti dalam sesebuah negara. Rujuk perbincangan Taylor (1994).

2. Ideologi perpaduan nasional dalam makalah ini boleh didefinisikan sebagai suatu rangka nilai, prinsip dan matlamat politik serta budaya yang digariskan oleh sesebuah kerajaan atau masyarakat untuk mewujudkan keharmonian, integrasi dan solidariti dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan bahasa.
3. Jati diri Mahua, juga dikenali sebagai subjektiviti Mahua, merujuk kepada satu identiti etnik yang diusahakan oleh masyarakat Cina di Malaysia bagi membentuk satu budaya yang mandiri. Dengan kata lain, identiti ini berbeza dengan budaya negeri China mahupun dengan mana-mana tradisi budaya Cina di tempat lain dan pada masa yang sama, turut berbeza daripada budaya etnik lain di Malaysia, meskipun wujud banyak persamaan yang terhasil melalui proses lokalisasi. Perbincangan lanjut boleh dirujuk dalam Show (2019).
4. Kajian Goh (2016a) menunjukkan bahawa pada tahun 1960-an, wujud sekumpulan puak kiri radikal dalam kalangan masyarakat Cina yang menolak konsep “bahasa kebangsaan” dan “bahasa rasmi”. Namun demikian, penolakan ini tidak wajar ditafsirkan sebagai penolakan terhadap bahasa Melayu itu sendiri. Sebaliknya, mereka berpendapat bahawa konsep-konsep tersebut tidak adil terhadap bahasa-bahasa lain. Bagi mereka, pembentukan bahasa bersama (*common language* atau 普通話) seharusnya berlaku secara semula jadi, iaitu tanpa campur tangan kuasa pemerintah atau paksaan dasar negara secara atas-bawah (*top-down*).
5. Terdapat sebahagian kecil individu yang menolak pembelajaran bahasa Inggeris kerana menganggapnya sebagai bahasa penjajah. Pandangan ini turut dikongsi oleh Chew (2011, 22) dalam autobiografinya. Namun begitu, harus ditegaskan bahawa pandangan bahasa yang dipegang oleh sebahagian intelektual Cina tidak semestinya dikongsi oleh golongan intelektual Melayu. Sebagai contoh, Asraf, seorang tokoh Asas 50, meletakkan bahasa vernakular dan bahasa Inggeris dalam satu kelompok manakala bahasa Melayu pula berada dalam kelompok yang lain. Bagi beliau, proses dekolonisasi bahasa bukan sahaja melibatkan penyingkiran pengaruh bahasa Inggeris, tetapi juga merangkumi usaha untuk memartabatkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa utama negara. Dalam kerangka ini, bahasa vernakular hanya dihadkan kepada penggunaan dalam kehidupan seharian, seperti perbincangan dalam Goh (2016b).
6. Menurut pemerhatian seorang penterjemah yang aktif pada era tersebut, hasil terjemahan karya sastera Mahua dalam bahasa Melayu dilihat tidak memuaskan. Malah, beliau menyeru agar orang Melayu berganding bahu dengan penterjemah Mahua untuk bersama-sama menterjemahkan sastera Mahua ke dalam bahasa Melayu (Puterasinga 1962, 2–3). Pandangan seupama ini turut dikemukakan oleh Mei Jing (1963).
7. Hung Lang pernah menulis bahawa walaupun masyarakat Cina telah memberikan respons yang positif terhadap seruan untuk berkarya dalam bahasa Melayu, namun reaksi balas daripada masyarakat Melayu amat mengecewakan. Menurutnya, karya asli mahupun karya terjemahan—termasuk sastera China dan Mahua—jarang diberikan ruang untuk diterbitkan dalam akhbar berbahasa Melayu, walaupun sebahagian daripadanya bermutu tinggi (Hung Lang 1966, 39–40).
8. Pada dekad 1960-an, istilah lazim bagi sastera Cina di Malaysia ialah “Sastera Tionghoa-Malaya”. Kemudiannya, muncul pelbagai istilah baharu menjelang dekad 1970-an seperti Wong (1972) menggunakan istilah “Sastra Tionghoa-

Malaysia”, Amir Tan (1974) pula menggunakan istilah “Sastra Sukuan Tionghoa Malaysia” manakala Lim (1974) menggunakan istilah “Sastra Sukuan Tionghoa di Semenanjung Tanah Melayu”.

9. Perkara ini penting kerana menurut pandangan komuniti penterjemah Mahua, salah satu sebab sastera Mahua tidak diiktiraf sebagai sebahagian daripada sastera kebangsaan ialah tanggapan bahawa sastera Mahua tidak berbeza secara signifikan daripada sastera China.
10. Penterjemahan Mahua merujuk kepada aktiviti penterjemahan yang dilakukan oleh masyarakat Cina di Malaysia, yang melibatkan pelbagai bahasa termasuk Melayu, Cina, Inggeris, Jepun dan lain-lain. Dalam makalah ini, fokus diberikan kepada penterjemahan antara bahasa Cina dengan bahasa Melayu.

Rujukan

- Amir Tan. 1974. Sastra sukuan Tionghoa Malaysia. *Dewan Sastra*, February: 38–40.
- Bai Can. 1989. 點滴匯成交流河 (*Titisan bercampur arus mengombak*). Selangor, Malaysia: PERSPEKTIF.
- Bassnett, S. 2014. *Translation*. New York and Oxon: Routledge.
- Chew, C.H. 2011. 人生記憶：一個華文教學者的回憶 (*Kenangan hidup: Memoir seorang pendidik bahasa Cina*). Singapura: Bafang Cultural Enterprise.
- Chin, Y.C. 1984. 華巫文學的譯介與交流 (Terjemahan dan interaksi antara sastera Mahua dan sastera Melayu). *Nanyang Siang Pau*, 11 March.
- Chong, F.H. 2006a. 綿延：大馬譯創會會員文集 (*Berlanjutan: Himpunan karya persatuan penterjemahan dan penulisan kreatif Malaysia*). Selangor, Malaysia: PERSPEKTIF.
- _____. 2006b. 國家文學：宰制與回應 (*Sastera kebangsaan: Hegemoni dan respons*). Kuala Lumpur: Persatuan Shing An Selangor dan Wilayah Persekutuan.
- _____. 2001. Terjemahan sastera Cina dalam Melayu: Interpretasi dari segi subjektiviti budaya. *Rosa Sinensis* 11: 108–116.
- Ding, C.M. 2008. *Pantun peranakan Baba: Mutiara gemilang Negeri-negeri Selat*. Selangor, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Feng, Z.N. 1890. 馬拉語粵音釋義 (*Daftar kata bahasa Melayu dengan penjelasan dalam dialek Kantonis*). Shanghai: Ying Hua Shuyuan.
- Goh, S.P. 2018. 五三一文學運動：翻譯、國語與團結 (Gerakan Sastera 31 Mei: Penterjemahan, bahasa kebangsaan dan perpaduan). *Moonsoon Review* 9: 21–26.
- _____. 2016a. 冷戰與馬來亞左翼（反）國語運動 (Perang dingin dan gerakan (anti) bahasa kebangsaan di Malaya). *Jurnal Pengajian Cina Malaysia* 18–19: 121–152.
- _____. 2016b. 國語運動的多重性：馬、新華巫語文菁英的語言理念分析 (Kepelbagaian dimensi gerakan bahasa kebangsaan). *Taiwan Journal of Southeast Asian Studies* 11(2): 107–140.
- _____. 2013. Identiti penulis Malaysia berketurunan Cina dalam sastera Mahua dan sastera Melayu. MA diss., Universiti Putra Malaysia.
- Goh, S.S., ed. 2023. *Sejarah perkembangan Persatuan Penterjemahan dan Penulisan Kreatif Malaysia* (PERSPEKTIF). Selangor, Malaysia: PERSPEKTIF.
- Goh, T.C. 1975. *Puisi Mahua moden jilid 1*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Tionghua, Universiti Malaya.
- Huang, H.M. 2004. 新馬峇峇文學的研究 (Kajian sastera Baba di Singapura dan Malaysia). MA diss., National Chengchi University.

- Hung Lang. 1966. Mengapa penerbit Melayu enggan menerbitkan karya orang bukan Melayu? *Majallah Bahasa Kebangsaan* 66: 39–40.
- Ko, C.C. 2004. Khoo Seok Wan dalam lanskap sejarah sastra Mahua. In 邱菽園與新馬文學史現場 (*Himpunan esei penulisan semula sejarah sastra Mahua*), ed. T.K. Tong, 37–54. Nantou: National Chi Nan University Center for Southeast Asian Studies.
- Koo Yee. 1962. Bahasa Melayu sa-bagai bahasa kebangsaan. *Bulanan Bahasa Kebangsaan* 1(7): 7–10.
- Lan Yu. 1984. 翻譯諮詢委會任重道遠 (Misi berat jawatankuasa penyelarasan penterjemahan). *Jianguo Ribao*, 26 February.
- Lefevere, A. 2017. *Translation, rewriting, and the manipulation of literary fame*. New York/Oxon: Routledge.
- Lim, C.M. 1974. Perkembangan sastra sukuan Tionghoa di Semenanjung Tanah Melayu. *Dewan Sastra*, July: 51–52.
- Ma Qi. 1960. 繼續發揚國語周的精神 (Meneruskan semangat Minggu Bahasa Kebangsaan). *Mingguan Petir*, 13 Februari.
- Mei Jing. 1963. Pengaliran antara bahasa Melayu dan bahasa Tionghoa. *Dewan Bahasa*, Disember: 536–544.
- Othman Puteh. 1994. Pengantar. In *Gadis dalam gambar*, eds. Y.Q. Yee dan G.H. San, vii–xxvi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Puterasinga. 1962. Peri hal menterjemahkan kesusasteraan Tionghoa-Malaya ka-dalam bahasa Melayu dan sa-balik-nya. *Budaya* 2: 1–3.
- Show, Y.X. 2019. 馬華文化主體性的焦慮：中國性、本土性與第三世界 (Keresahan subjektiviti budaya Mahua: Antara kecinaan, sifat lokaliti, dan dunia ketiga). *Renjian Thought Review* 10: 148–171.
- Sinchew. 1986. 多譯介促進各族了解：譯介文化交流研討會昨舉行・雪華堂語文局有共同願望 (Penterjemahan galak persefahaman kaum; seminar penterjemahan dan pertukaran budaya anjuran bersama KLSCAH dan DBP diadakan semalam). 29 December.
- Taylor, C. 1994. The politics of recognition. In *Multiculturalism*, ed. A. Gutmann, 25–73. New Jersey: Princeton University Press.
- Usman Awang. 1989. *Perjalanan ini tidak sunyi*. Translated by Bai Can. Selangor, Malaysia: PERSPEKTIF.
- Wong, S.T. 1972. Hwang Pai Hwang: Penulis veteran sastra Tionghoa-Malaysia. *Dewan Sastra*, April: 18.
- Yang, Q.Y. 2014. 華馬文化論叢 (*Himpunan esei interaksi budaya Melayu dan Cina*). Kuala Lumpur: Centre for Malaysian Chinese Studies.
- Ye Jian. 1986. 華馬文學的譯介與交流 (*Penterjemahan dan interaksi antara sastra Mahua dan Melayu*). Kuala Lumpur: Professional Publishing.
- Zhu, Z.C. 1993. 拿出些什麼來融合 (Apa yang boleh kita tawarkan untuk integrasi budaya). *Xin Tong Bao*, 20 April.